

Anwar sokong tindakan Sultan Nazrin

[FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA /BH]



Anwar beramah mesra dengan tetamu pada majlis Iftar Ramadan bersama PAUM di Kuala Lumpur, malam tadi.

Kuala Lumpur: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyokong tindakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang menitahkan enam pemimpin parti politik di negeri itu menghadap baginda berhubung penggunaan masjid dan surau dalam aktiviti kepartian.

“Saya sokong. Saya harap mereka dapat berbincang dengan baik,” katanya kepada *BH* selepas majlis Iftar Ramadan Bersama Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) di sini, malam tadi.

BH difahamkan, pemimpin berkenaan adalah dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Parti Amanah Negara (AMANAH), PKR,

Saya sokong. Saya harap mereka dapat berbincang dengan baik”

Anwar Ibrahim,
Presiden PKR

DAP, UMNO dan PAS.

Antara pemimpin parti yang hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu yang juga Pengerusi BERSATU negeri; Pengerusi AMANAH negeri, Asmuni Awi; Pengerusi PKR negeri, Farhash Wafa Salvador Rizal Mubarak dan Penasihat DAP yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Ngeh Koo Ham.

Pemimpin pembangkang pula, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Saarani Mohamad dan Pesuruhjaya PAS negeri, Razman Zakaria.

Difahamkan, semua pemimpin berkenaan menghadap baginda di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, jam 4 petang semalam.